

# Mahathir arah BBMB tambah cawangan

BB 25 OCT 1990

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu Bank Bumiputra Malaysia Bhd (BBMB) menubuhkan lebih banyak cawangan di luar bandar dan mengkaji pendekatannya supaya Bumiputera lebih memahami kemudahan yang ditawarkan olehnya.

Beliau berkata, BBMB yang ditubuhkan untuk mengatasi masalah kewangan Bumiputera, perlu mencontohi Permodalan Nasional Bhd yang sudah berjaya meningkatkan pengetahuan Bumiputera mengenai pelaburan.

"BBMB harus mengadakan unit yang memberi penjelasan kepada Bumiputera tertentu, seperti peniaga kecil dan orang

yang berpendapatan rendah, memahami bagaimana untuk menggunakan kemudahan bank," katanya.

Perdana Menteri ketika berucap di majlis makan malam sempena sambutan ulang tahun ke-25 BBMB di sini, malam ini.

Beliau berkata, sistem pengawasan ke atas semua kakitangan dari atas sehingga ke bawah, perlu diperkukuhkan.

Etika bank perlu diperluaskan bukan sahaja di kalangan pegawai dan kakitangan tetapi juga pelanggan.

Menurutnya, ada bukti yang menunjukkan bahawa sebahagian masyarakat di Malaysia tidak memandang berat terhadap menepati janji apabila berhutang.

"Mereka yang mungkir janji itu menyebabkan keseluruhan masyarakat kehilangan kewibawaan dan terpaksa menghadapi masalah.

"Tindakan mesti diambil terhadap mereka untuk dijadikan teladan," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan bahawa kedua-dua pihak yang memberi dan menerima pinjaman harus menanggung kesalahan jika tidak ada usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan etika pelanggan.

Menurut beliau kerajaan mempunyai pelbagai rancangan untuk memesatkan lagi pembangunan serta kesejahteraan rakyat.